



Dialisis Peritoneal


Tahniah kerana telah menamatkan latihan Dialisis Peritoneal (PD). Mengambil peranan aktif dalam perjalanan rawatan anda dan melakukan dialisis sendiri mahu pun untuk orang tersayang di rumah mungkin kelihatan menakutkan pada awalnya. Tetapi, anda tidak perlu khuatir kerana kami sedia membantu anda. Berikut adalah perkara-perkara penting yang perlu dilakukan dan perlu dielakkan semasa menjalani rawatan dialisis.

✓ Lakukan

1. Lengkapkan semua pertukaran dan rawatan yang telah ditetapkan.
2. Amalkan kebersihan dan jalani rawatan dialisis seperti yang telah ditunjuk ajar untuk mencegah sebarang jangkitan.
3. Ambil ubat-ubatan mengikut preskripsi yang telah ditetapkan oleh doktor anda.
4. Patuhi diet dan kawal kandungan cecair sebagaimana yang telah dinasihatkan oleh doktor dan pakar pemakanan anda.
5. Semak dan catatkan tekanan darah, kadar denyutan jantung dan berat badan anda sekali sehari.
6. Rekodkan butiran terapi harian dalam buku rekod dialisis yang telah diberikan.
7. Periksa bahagian 'exit site' anda setiap hari untuk tanda-tanda jangkitan seperti kemerahan, lelehan atau kesakitan, dan sapukan krim antibiotik (gentamicin) pada 'exit site' semasa menukar balutan.
8. Kenal pasti gejala peritonitis seperti sakit perut, dan efluen yang keruh dan segera dapatkan rawatan.
9. Ambil ubat pelawas mengikut preskripsi untuk memastikan kelancaran pembuangan najis sekurang-kurangnya 1-2 kali sehari.

✗ Elakkan

1. Jangan melangkau dialisis tanpa memaklumkan kepada doktor anda.
2. Jangan catatkan butiran palsu dalam buku rekod dialisis anda.
3. Jangan ragu-ragu untuk bertanya kepada pasukan penjagaan kesihatan jika anda sedang melakukan dialisis dengan betul.
4. Jangan ragu-ragu untuk membincangkan kesulitan yang anda hadapi semasa rawatan. Pasukan penjagaan kesihatan akan membantu anda menangani sebarang masalah yang anda hadapi.
5. Jangan teruskan rawatan dialisis jika anda mengesyaki pencemaran sentuhan. Sila hubungi unit dialisis anda dengan segera.
6. Jangan lakukan sebarang prosedur pergigian atau skop tanpa mendapatkan nasihat doktor tentang antibiotik sebelum prosedur tersebut.
7. Bagi tujuan kebersihan, jangan benarkan haiwan peliharaan masuk ke dalam bilik rawatan anda.
8. Jangan abaikan gejala peritonitis atau jangkitan 'exit site'. Sila dapatkan rawatan dengan segera.
9. Jangan merancang untuk melancong sebelum berunding dengan doktor anda.



Gambar di atas adalah untuk rujukan sahaja

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi
Unit Peritoneal Dialisis di Hospital Besar
Changi melalui talian utama CGH
di **(65) 6788 8833**.

Waktu Operasi: 8.00 pagi hingga 5.00 petang
(Isnin hingga Jumaat)

Jika anda memerlukan nasihat perubatan di luar waktu operasi Unit Dialisis Peritoneal, sila kunjungi Jabatan Kecemasan yang terdekat dengan anda.